

Meningkatkan jumlah doktor di negara ini –PM

# Kerajaan akan tubuh satu lagi fakulti perubatan

Min. 11 AUG 1991

**B**ANGI 10 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan berhasrat untuk meneruskan cadangan menubuhkan satu lagi fakulti perubatan di negara ini.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan untuk menambah bilangan pelajar dalam bidang perubatan untuk meningkatkan jumlah doktor di negara ini.

"Kita memang hendak satu lagi fakulti perubatan di negara ini dan akan mencuba sedaya upaya bagi mencapai matlamat tersebut," katanya kepada para pemberita selepas majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia di sini hari ini.

Sehubungan itu beliau menyeru rakyat Malaysia agar menceburi bidang-bidang pengajian profesional sekali pun tempoh belajar bagi satu-satu kursus itu agak lama.

"Saya dapati ramai yang tidak berminat untuk mengikuti kursus perubatan kerana tempoh untuk mendapatkan ijazah adalah terlalu lama.

"Sebaliknya mereka lebih suka mengambil kursus yang lebih mudah dan senang untuk mendapatkan ijazah," ujar Perdana Menteri.

Sambil merujuk kepada jawapannya kepada Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM) yang disiarkan dalam Utusan hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan, bagi mengatasi masalah kekurangan doktor di negara ini, tindakan kerajaan membenarkan pakar dari luar negeri berkhidmat di sektor awam dan swasta mestilah dilihat sebagai usaha yang positif.

Bagaimanapun katanya, kerajaan akan melaksanakan perkara itu secara berhati-hati dan menentukan syarat-syarat pengambilan mereka sebelum dibenarkan berkhidmat di negara ini dibuat dengan teliti.

Beliau menjelaskan, cara kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di negara ini adalah terhad kerana sumber kewangan kerajaan tidak mencukupi.

Katanya, masalah yang ketara sekarang ialah jurang perbezaan

gaji doktor-doktor di sektor awam dengan pendapatan doktor-doktor swasta.

"Sekiranya kita menaikkan gaji doktor kerajaan, mungkin klinik atau hospital swasta menaikkan bayaran perkhidmatan mereka, oleh itu jurang perbezaan gaji itu yang wujud sekarang tetap berlaku.

"Di samping itu jika gaji doktor dinaikkan, semua kakitangan kerajaan yang lain akan menuntut perkara yang sama kerana mereka juga berhak mendapatkan kenaikan gaji," tegas beliau sambil menyatakan kerajaan tidak mampu untuk menaikkan gaji doktor bagi menyaingi pendapatan doktor swasta.

Sehubungan itu beliau menegaskan, kenaikan gaji bukan jalan penyelesaian kepada masalah itu sebaliknya rakyat Malaysia mestilah menyedari tanggungjawab mereka dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

"Walaupun kita telah menyatakan kepada kakitangan kerajaan jangan membuat sebarang perbandingan gaji mereka dengan swasta, tetapi kita tidak dapat menghalang mereka berbuat demikian," tambah Perdana Menteri.

Ditanya adakah kerajaan akan menimbangkan cadangan menuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan berasingan bagi universiti, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan:

"Sekalipun diwujudkan suruhanjaya yang berasingan, sumber kewangan suruhanjaya itu tetap datang dari kerajaan, dan saya sudah katakan bahawa sumber kewangan kerajaan tidak mencukupi," tambah beliau.

Menjawab pertanyaan tentang langkah UKM akan membuka klinik swastanya sendiri, Perdana Menteri berkata, dahulu kerajaan memang bercadang untuk membenarkan kakitangan kerajaan menjalankan kerja sambilan di sektor swasta.

Bagaimanapun, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan belum membuat sebarang keputusan berhubung dengan perkara tersebut.